

Kesukaran Mempelajari Subjek Akidah Bagi Bukan Penutur Bahasa Arab: Realiti Dan Harapan, Pelajar Pengajian Islam Unishams Sebagai Sampel

Dr. Amr Mohammed Sayyed Emam Sallam, *doctor.amr80@yahoo.com*, Dr. Reda Owis Hassan Serour, Dr. Mohamed Elsayed Mohamed Abdou.

Kulliyah Usuluddin dan Sains Al-Quran, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

ABSTRAK

Pengkaji telah mendapati banyak masalah yang muncul sejak sekian lama dalam kajian ini akan tetapi ianya semakin bertambah dari semasa ke semasa muntakhir ini iaitu masalah kesukaran dalam mempelajari bahasa Arab khususnya bagi perkara yang berkait dengan ilmu-ilmu syar'ie. Perkara ini boleh dilihat melalui pelajar di negara-negara nusantara- khususnya negara Malaysia dan Indonesia, di mana mereka menghadapi kesukaran dalam menguasai pengajian akidah Islam kerana terdapat banyak institusi-institusi dan pusat yang hanya berpegang kepada aspek teori sahaja dan mengabaikan aspek praktikal. Maka adakah ini cara yang diinginkan daripada pengajian akidah, dan apakah cara yang boleh membantu pelajar-pelajar Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dalam memahami asas-asas akidah dan mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Sasaran kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesukaran proses pembelajaran, dan untuk mendapatkan data tentang aspek kepentingan dalam mengatasinya serta data kesukaran yang dihadapi dalam mempelajari akidah daripada pelajar-pelajar UniSHAMS. Di samping itu, untuk diagnosis permasalahan yang bergantung dengan pelajar, tenaga pengajar dan kaedah dalam subjek ini serta apakah hasil dari diagnosis ini. Setelah mendapat keputusan, tenaga pengajar dan pendidik dapat membantu

dalam menawarkan penyelesaian yang jitu supaya dapat meluaskan lagi pemikiran pelajar dan menambah kepada mereka pelbagai bentuk pengajian agar pemikiran mereka dapat memahami dengan baik.

Pendahuluan

Segala puji bagi Allah tuhan semesta alam selawat dan salam ke atas jun-jungan saidina nabi Muhammad S.A.W serta sahabatnya.

Akidah Islam merupakan kedudukan atau posisi yang besar dalam ulum syar'ie, adapun ulama' mengungkapkannya sebagai maqasid ulum kerana ianya membawa darinya perilaku kemanusiaan dan dapat membina seluruh kelakuan, iaitu dapat merawat isu-isu berkaitan keimanan dan iktikad ghaib yang menghubungkan dengan ketuhanan, kenabian dan sami'yyat, kecuali kesannya itu menunjukkan dengan jelas dalam kelakuan individu muslim secara menyeluruh pada setiap perbuatannya," maka ianya dapat menghidupkan hati dan jiwa dan menguasai perasaan dan emosi serta menyesuaikan jasad dan membawa ke arah yang sejahtera" (Fathi Ali Yunus, 1999).

Insan yang bergelar pelajar itu adalah manusia, amat penting padanya untuk memiliki akidah agama dan prilaku yang bermoral. Oleh itu, perlulah kepada pendedahan akidah dan ini merupakan kaedah posisi yang pertama dalam pembentukan pendidikan Islam. Selain itu, mempelajari subjek Usuluddin memerlukan kepada satu cara dalam menjadikan pelajar berfikir secara logik yang mana ia dapat menghubungkan antara akal dan emosi atau antara teori dan praktikal.

Para pengkaji telah memilih di peringkat Universiti kerana peringkat ini memainkan peranan yang amat besar dan merupakan asas dalam membina umat-umat dan pemuda-pemudi dengan menyifatkannya lebih tinggi atau lebih luas langkah dalam pencapaian akademik.

Oleh itu, para pengkaji telah membuat keputusan untuk menjadikan topik kajian ini ialah "**Kesukaran Mempelajari Akidah bagi Penu-tur Bukan Arab-Pelajar Pengajian Islam UniSHAMS sebagai sampel**".

Permasalahan Kajian

Di dalam subjek akidah Islam terdapat banyak konsep dan prinsip secara kasar yang mana menyukarkan pelajar khususnya bagi penutur bukan arab bagi memahami dan mengertinya dengan gambaran yang jelas. Oleh kerana ianya berkait rapat dengan perkara ghaib (tidak dapat dilihat dengan mata kasar) yang mana ia memerlukan pemahaman yang khusus dan kemampuan yang membenarkan ia untuk memahaminya. Adapun sebahagian yang mempelajari subjek ini sama ada di peringkat asas atau di universiti, mereka hanya berpegang pada aspek teori sahaja tanpa memberikan gambaran yang menyeluruh dalam hubungan isu semasa dan terkini. Oleh itu, subjek ini memerlukan cara-cara yang efektif untuk mempelajarinya dan boleh didapatinya daripada perkongsian pelajar yang mana ianya hukum-hukum dan asas-asas yang tidak di diterima kecuali selepas kepastian akannya secara rasional. Dengan itu, menggunakan kaedah yang salah dalam menyampaikannya kepada pelajar boleh mendorong kepada pemikiran yang keterlaluan.

Persoalan Kajian:

- Apakah kesukaran yang dihadapi dalam pembelajaran dan apakah kepentingan untuk mengatasinya?
- Apakah kesukaran yang dihadapi oleh pelajar UniSHAMS dalam pengajian akidah?
- Adakah kesukaran ini bergantung kepada pelajar, tenaga pengajar dan kaedah? Atau semuanya sekali?
- Bagaimanakah cara untuk selesaikan kesukaran ini bagi meningkatkan kemampuan pelajar?

Sasaran Kajian:

- 1- Mengenalpasti kesukaran dalam pendidikan dan penerangan tentang kepentingan dan mengatasinya.
- 2- Menerangkan kesukaran yang dihadapi pelajar UniSHAMS dalam pengajian akidah.
- 3- Menguji diagnosis permasalahan yang bergantung dengan pelajar, tenaga pengajar dan kaedah dalam subjek ini dan apakah yang bakal muncul dalam diagnosis ini.
- 4- Mencari penyelesaian untuk menyelesaikan kesukaran ini bagi meningkatkan kemampuan pelajar.
- 5- Memanfaatkan aspek yang khas bagi kementerian pendidikan dan kajian akademik dalam hasil kajian ini.

Kajian yang terdahulu:

Selepas dikaji beberapa kajian yang lepas, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan di negara arab, sebagai contoh:

- Kaedah dan sistem yang menunjukkan akidah melalui hadis-hadis yang di sebut di dalam Sahih Al-Bukhari, oleh pengkaji Bilal Salamah Attar (Jordan).
- Permasalahan pendidikan Usuluddin di Universiti Al-Qadisiyah dari segi pandangan pelajar dan cadangan mereka. Kajian ini mengandungi 20 helaian, antaranya mempersoalkan tentang kepentingan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar universiti di setiap daerah masing-masing yang didiami oleh mereka. Tambahan pula, kajian ini hanya dilakukan ke atas penutur bahasa arab sahaja, di mana ia memperkecilkan lagi nisbah peratusan pelajar universiti yang mengalami kesukaran dalam memahami dan mengetahui pelajaran mereka iaitu bagi subjek akidah.
- Kesan kaedah keputusan dan penemuan telah dilakukan ke atas pelajar peringkat menengah dalam memahami konsep akidah-Universiti Amman, Jordan, Tesis PhD, pada tahun 2008. Pengkaji telah menggunakan kaedah konsep akidah, di mana ia mempamerkan kaedah penemuan secara bersemuka, menerangkan kepentingan mempelajarinya, ciri-cirinya dan rintangannya. Di samping itu, ianya juga menerangkan langkah-langkah dalam mempelajarinya dan kaedah lain yang boleh di-

ambil di dalam kajian ini ialah kaedah mempelajari melalui keputusan dan membuat statistik dalam kaedah ini ke atas pelajar peringkat menengah.

Selain daripada kajian-kajian di atas, penulis masih belum menjumpai kajian khusus bagi penutur bukan arab khususnya Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Kaedah Kajian:

Pengkaji menggunakan kajian lapangan dalam kajian ini, kemudian membuat hasil penyelidikan dan menganalisisnya. Kajian ini menghadkan dalam komuniti dan kajian ini telah menentukan dalam pemilihan sampel serta pengkaji telah menggunakan soal selidik dalam kajian ini. Kaedah statistik digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis hasil kajian ini. Sampel adalah terdiri daripada para pelajar pengajian islam di Unishams dan bilangan mereka melebihi 200 orang pelajar daripada pelajar pengajian Aqidah pada tahun pertama pengajian.

Dapatan Kajian:

- Tenaga pengajar dan pendidik dapat membantu dalam menawarkan metod yang sesuai supaya dapat mengembangkan pemikiran pelajar dan menyampaikan kepada mereka dengan pelbagai wasilah agar pemikiran mereka berkembang dengan baik.
- Pelajar tidak hanya mengikuti kepada aspek teori dan kebiasaan sahaja bahkan mampu menguasai semua aspek melalui pemikiran, perasaan dan perbuatan.

Pengenalan

Definasi:

Sukar: tidak mudah (senang), payah, sulit, susah (Kamus Dewan Edisi ke-4). Adapun di dalam kitab Lisanul Arab (Ibnu Manzur): sukar ialah perkataan antonim dengan mudah.

Akidah:

Akidah dari segi bahasa diambil daripada perkataan akad, iaitu berlawanan kepada pemecahan; iaitu: ikatan, simpulan, kekukuhan, kuat, ter-sangat kuat, ketabahan, padat, teguh; yakin dan kukuh.

Adapun dikatakan dari segi Bahasa (Ibnu Manur): ikat, mengikat, ikatan. Ikatan juga boleh digunakan pada makna berkat dan nikah. Sepertimana Allah SWT berfirman: “Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah olehNya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh” (Surah Al-Maidah, ayat 89). Kata jamak bagi akad ialah: Perjanjian, iaitu perjanjian yang kukuh. Ada dikatakan: kau dah berjanji kepada fulan akan sesuatu, ertinya: kau telah membuat sesuatu perjanjian. Maka apabila kau telah berkata: kau telah membuat perjanjian, atau: kau telah membuat perjanjian atas sesuatu, Maka ertinya: sesungguhnya kau telah mengikat sesuatu itu dengan kuat. Ikatan: perjanjian. Allah swt telah berfirman:(penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian) dikatakan: iaitu perjanjian, dan dikatakan juga: iaitu kewajiban yang terikat. Zajjaj telah berkata: (penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian): Allah Swt telah berkata kepada orang-orang beriman supaya setia dengan perjanjian sepertimana Allah swt telah menjanjikan ke atas mereka, dan perjanjian yang telah di-janjikan sebahagian ke atas sebahagian yang lain iaitu sepertimana yang diwajibkan dalam agama. Oleh itu, akidah bermaksud kepercayaan akan sesuatu memperkukuhkan dengannya tanpa ragu dan sangsi, maka ianya bermakna iman. Adapun dikatakan: aku yakin pada itu yakni percaya dengannya, dan iman bermakna kepercayaan. Dikatakan: percaya dengan sesuatu yakni yakin dengannya tersangat-sangat yakin tanpa sangsi dan ragu-ragu.

Konsep ini juga diungkapkan dalam bahasa inggeris seperti (Munir Ba'albaki 1995):

- 1- **Dogma**- Akidah, ajaran
- 2- **Doctrine**- Mazhab, Akidah, ajaran
- 3- **Belief**- Kepercayaan,yakin,akidah,keteguhan

Terdapat perkataan yang digunakan dalam bahasa Perancis seperti berikut (Le Petit Robert 2001):

1- Dogme: iaitu perkataan yang sama dengan bahasa inggeris pada perkataan asalnya Latin dan Greek ialah **Dogma**. Makna dalam bahasa Perancis: **Croyance: opinion**. Pendapat fahaman asas dengan dilihatkan padanya iaitu kebenaran yang asas yang tidak boleh dipertikaikan **incontestable** dalam agama atau institusi falsafah yang khusus sepertimana mereka telah berkata: **les dogmes do christianisme** iaitu prinsip atau fahaman agama kristian ,begitu juga dengan makna perkataan **dogme**, pendapat yang diungkapkan dengan ungkapan yang penuh keyakinan atau kebenaran yang tidak boleh diperbahaskan, memasukkan padanya asas-asas kepercayaan, riwayat sastera dan pandangan akademik. Demikian itu, penulis dan sasterawan Perancis (Victor Hugo 1885) telah berkata: kebebasan, kesamaan dan persaudaraan itu merupakan asas kesejahteraan dan keharmonian (yakni antara individu dan masyarakat) (**Ce sont des dogmes de paix et d'harmonie**) dan di akhir penggunaan perkataan **dogme** juga untuk menunjukkan ke atas satu kumpulan kepercayaan kepada agama di antara agama lain (**L'ensemble des dogmes d'une religion**).

2- Croyance: kepercayaan fahaman yang kukuh dan keyakinan yang tidak menjadikannya goyah akan keraguan sepertimana mereka telah berkata: Kepercayaan kepada Allah atau Yakin kepada Allah (**Croyance en dieu**), dan keyakinan dalam agama: **Croyances religieuses**.

3- Doctrine: Akidah, mazhab, sepertimana mereka telah berkata tentang itu: **Une Bonne doctrine** yakni Akidah yang benar, dan adapun mereka berkata ianya Akidah yang politik: **Doctrine politique**

Pengertian Akidah Istilah:

Abu Hasan Yafrani Al-Maghribi¹ telah menyebut dalam mengertikan maksud bagi Akidah yang bertujuan untuk uraian hubungan asal yang

¹ Abu Hasan ,Ali bin Abdul Rahman Al-yafrani, Al attanji Al-Maknasi, Menetap di Fas, Wafat pada tahun 734 Hijrah/1334 .Beliau merupakan pengarang yang

berkenaan dengan bahasa dalam makna-makna pengistilahan (Jamal Al-Alal AlBukhti): ketahuilah bahawa akidah itu muncul daripada akad, iaitu jalinan dan ikatan, iaitu fai'lah bermaksud maf'ulah, yakni sesuatu yang diikat yang menunjukkan ke atasnya, dan membawa ke atas fa'ilah. Makna faa'ilah; yakni suatu pembawa yang aktif dengannya untuk mengikat dan percaya atas apa yang ditunjukkan keatasnya, sepertimana Allah mewajibkan atas setiap apa yang dia membenarkan dan setiap apa yang dia memustahilkan”.

Secara umumnya, lafaz akidah dalam penggunaan istilah yang asal, membawa suatu perkara yang diyakini oleh manusia dan mengikatkan serta menusuk ke dalam hatinya yang mana dapat menimbulkan disisinya iaitu satu hukum yang tidak menuju kepada keraguan.

Ia dikatakan: suatu hukum yang tidak membawa kepada keraguan adalah terdapat padanya akan kepercayaan (Sa'adi Abu Habib1408). Ada juga ia dikatakan: Akidah ialah sesuatu apa yang diikatkan pada hati manusia secara teguh, iaitu akidah sama ada benar atau salah.

Terdapat sebahagian ada mengatakan bahawa akidah dari segi istilah ialah: Suatu perkara yang perlu membenarkan akan sesuatu itu masuk ke dalam hati, sesuatu yang menenangkan jiwa sehingga menjadikan keyakinan yang teguh di mana tidak bercampur dengan sangsi dan ragu (Hasan Al-Bana 2004).

Akidah Islam:

Satu pegangan keagamaan yang mewajibkan keatas muslim untuk mempercayai agama Islam dengan teguh dan menjadikan penuh keyakinan yang tidak bercampur dengan keraguan”. Yakni: kepercayaan yang teguh tidak dapat diragui itu adalah keyakinan dan wajib menjadikannya selaras dengan realiti yang tidak membawa kepada keraguan dan anggap. Jika pengetahuan tersebut tidak sampai ke tahap keyakinan yang

terpentingAl-Mabahis Al-‘Aqliyyah Fi Syarh Ma’ani Al-‘Aqidah Al-Ruhaniyyah, Boleh dilihat dalam: Mukadimah Tahqiq”-Al-Mabahis Al‘Aqliyyah”Dr. Jamal AlBukhti, muka surat 55.

teguh, maka ia tidak dinamakan sebagai akidah. Ia dinamakan akidah kerana apabila manusia itu mengikat akan sesuatu pada hatinya.

Oleh itu, Mafhum Akidah Islam ialah enam perkara secara tersusun iaitu: Mengenal Allah SWT, Mengenal alam pada setiap apa yang ada padanya kebaikan dan keburukan, Mengenal kitab samawi, Mengenal para-para nabi dan rasul, Mengenal hari kiamat, Mengenal serba sedikit tentang sistem alam. Mafhum bagi Iman ialah akidah yang diturunkan daripada Allah SWT dan rasul sebagai utusan serta Allah menjadikan Akidah sebagai pegangan kepada para awalin dan akhirin.

- Akidah dapat membantu muslim dalam menggambarkan aspek teori atau kaedah dalam mengenal gambaran dengan akal dan memfokuskan dengan hati.
- Akidah yang wajib perlulah tidak menjadikan jiwa-jiwa itu sebagai tempat adanya sifat ragu-ragu dan pendorong kepada syubhah.
- Sumber akidah merupakan teks agama yang benar serta disokong dengan persetujuan akal selaras dengan fitrah manusia. Tambahan pula, ianya disokong dan dipersetujui oleh ijmak ulamak Islam secara umum sejak daripada generasi awal sehingga ke hari ini. Kesepakatan itu dibuat melalui Usul dan Kuliyyat yang berkait dengan bidang akidah tersebut.

Pengenalan latar belakang Universiti (Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah)

Universiti ini merupakan salah satu universiti yang menggunakan bahasa arab sebagai medium penyampaian di dalam bidang yang berkaitan Pengajian Islam. Berikut merupakan pengenalan latar belakang dan perkembangan universiti:

- Institusi ini telah ditubuhkan di bawah kerajaan negeri Kedah Darul Aman pada tahun 1994 dalam melaksanakan program Pengajian Islam. Institusi tersebut dinamakan dengan 'Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman'. Pihak Universiti Al-Azhar telah bersetuju untuk menjalankan program Pengajian Islam secara berkembar dengan kerajaan Negeri Kedah pada masa itu. Proses menandatangani diantara dua pihak itu telah berlaku pada 3 September 1994. Proses tersebut berlaku di antara:

- Tan Sri Dato' Seri Haji. Osman Haji. Aroff(Bekas Menteri Besar Kedah Darul Aman)
- Al-Fadhil Dr. Abd Fattah Husaini El-Syeikh(Rektor Universiti Al-Azhar). Berikut merupakan 10 fasal persetujuan yang telah ditekankan:
 - Menjadikan pembelajaran fakulti-fakulti pengajian Islam dalam bentuk bahasa arab.
 - Penghormatan institusi ini dalam fakulti-fakulti pengajian Islam kepada pihak Universiti Al-Azhar adalah dengan mempersiapkan ahli lembaga pendidikan yang bertaraf(pensyarah,pembantu pensyarah,pembantu profesor dan profesor).
 - Antara fakulti-fakulti yang telah ditubuhkan ialah:

- 1- Kulliyah Usuluddin(fakulti Usuluddin dan Sains Alquran)
- 2- Kulliyah Syariah dan undang-undang.
- 3- Kulliyah Bahasa Arab.
- 4- Kulliyah Pengajian Islam dan Bahasa Arab(Asasi).
- 5- Kulliyah Muamalat; Bahagian Pengurusan dan Perakaunan dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia(UUM).
- 6- Kulliyah Maahad Tahfiz Al-Quran, tempoh pengajian ialah tiga tahun.

Terdapat penambahan Kulliyah iaitu Kulliyah Perubatan, Kulliyah Hospitaliti dan Perkhidmatan Halal(Perhotelan). Setiap tenaga pengajar mempunyai kelulusan(sijil-Master-Phd) dalam pengkhususan tersebut.

Permulaan Pengajian: Pengajian di institusi telah bermula sejak tahun 1996 secara rasmi. Hasrat fakulti pengajian Islam dalam penggunaan bahasa arab telah tercapai dalam menjadikan pengajian tersebut adalah merupakan salah satu kelebihan buat para tenaga pengajar Universiti Al-Azhar dan Fakulti Darul Ulum di Mesir dan Fakulti Syariah di negara-negara arab seperti Sudan, Iraq dan Somalia.

Tambahan pula, hal ini disebabkan oleh perkembangan para tenaga pengajar dan anjuran beberapa pertemuan serta seminar dalaman merangkumi pelbagai bidang dengan menggunakan tiga bahasa iaitu (Bahasa Arab, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) di mana setiap ahli akad-

emik terdiri daripada Malaysia, Mesir, Yaman, Sudan, Iraq, Somalia, Jordan, Nigeria, Thailand dan Indonesia.

Ia juga memberi kelebihan kepada kelompok ahli pengurusan akademik bagi orang Malaysia dan sebahagian staf pejabat apabila bekerja dengan dekan fakulti pengajian Islam, kerana secara tidak langsung mereka akan dapat menguasai bahasa arab jika dilihatkan kepada kelayakan mereka yang terdiri daripada Universiti Al-Azhar dan Fakulti Darul Ulum.

- Kampus utama ini terletak di (Alor Setar-Negeri Kedah) yang diberi nama (Kolej Universiti Insaniah) (KUIN) pada tahun 2015. Kemudian, kampus ini telah berpindah lokasi sehingga ke hari ini dan menetap di (Kuala Ketil-Negeri Kedah) selepas keputusan tersebut diperkenalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Halim Muadzam Shah-rahimahullah-Kesultanan Malaysia-pada ketika itu.

- Pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan Tinggi telah menerima Perakuan Pendaftaran nama baharu bagi kampus ini Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS). Pihak universiti telah membuat persetujuan bagi menghargai alumni dengan mengadakan sambutan Hari Konvokesyen bagi penyampaian ijazah kepada mahasiswa/siswi pada setiap tahun dengan kehadiran Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, kemudian diiringi dengan Sultan Negeri Kedah Darul Aman atau pembantunya.

Bahagian Pertama: Kesukaran Untuk Membaca Dan Menulis

Di antara perkara-perkara yang kita menyesuaikan diri dengannya pada masa sekarang dan merupakan hasil kesukaran mempelajari ilmu-ilmu syariat yang umum serta pengajian aqidah yang khusus ialah “kesukaran untuk membaca dan menulis” topik ini bertujuan untuk membincangkan dua perkara:

-Analisa bagi membantu untuk memperincikan kesukaran untuk membaca dan menulis di kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

-Mencari jalan yang dapat membantu para pelajar tersebut untuk menghilangkan kesukaran ini.

Tidak syak lagi bahawa pengesanan awal kesukaran dapat mencegah tanpa pemerolehan pembacaan dan penulisan, membantu pakar untuk menganjurkan program-program yang sesuai untuk merawatnya, sebelum penyakit ini lebih merebak dalam komuniti pembelajaran. oleh itu, kajian ini membantu institusi-institusi khas seperti Tahfiz Al-Quran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam mengetahui kesukaran yang dihadapi oleh pelajar untuk menyelesaikannya.

Makna **kesukaran untuk membaca dan menulis**: Kurangnya kemampuan responden untuk membaca dengan cara yang baik, laju dan tidak mampu untuk mengetahui huruf-huruf dan baris-barisnya di pertengahan pembacaan dan ini disimpulkan dengan darjat yang tinggi (Farihah Miftah Al-Jatruri 2011).

Sebagai contoh, (Bahri Sobir 2016) telah menjelaskan bahawa kesukaran untuk membaca dan menulis boleh mengakibatkan keraguan psikologi, beliau menjelaskan bahawa “Pelbagai keraguan yang mempengaruhi pengekalakan akan kefahaman atau peraturan atau mengambil maklumat secara lisan atau bukan lisan, keraguan ini berpunca daripada satu atau lebih dari proses psikologi”.

Kepentingan pembacaan dan penulisan bagi bukan penuturnya

Diibaratkan pembacaan dan penulisan ini sebagai medium yang penting dan salah satu daripada kemahiran pembelajaran iaitu bahasa asing, maka keduanya merupakan “Alat untuk pelajar meneruskan pembelajaran, dan menyambungkannya dengan hasil intelektual, moral dan budaya kepada ahli bahasa yang terdidik dahulu dan sekarang” (Kamil Naqoh 1985).

Oleh itu, menyiapkan asas-asas yang bangun di atasnya kemahiran yang lain seperti perbualan, penulisan dan pendengaran, mengatur pembacaan bersama pendengaran merupakan kemahiran penerimaan dalam Bahasa, memerlukan kepada prosedur pelaksanaan dan pemikiran yang tinggi untuk memahami dan memahamkan.

Maka, pembacaan merupakan satu bahagian yang rumit dan penting dalam kehidupan kita. oleh itu, “Memudahkan kita untuk memahami alam yang berada disisi kita dan menghubungkan dengannya. Pembaca

yang bagus dia seorang yang menggunakan struktur dan konteks morfologi, semantik dan sintetik dalam mengenalpasti makna dan pengetahuannya” (Tadris Maharah Al-Qiraah Ittisaliyyan Linnathiqin Biqairi Al-Arabiah).

Jenis-jenis pembacaan: Para pengkaji berpendapat bahawa pembacaan terdapat berbagai jenis, yang paling penting dan yang terkenal:

- Pembacaan pantas yang menyasarkan idea utama dan idea sekunder dalam teks.
- Pembacaan tinjauan yang menyasarkan maklumat-maklumat tertentu.
- Pembacaan yang luas yang menyasarkan kepada teks-teks yang panjang bagi pemahaman yang umum dan mudah.
- Pembacaan yang padat yang menyasarkan kepada teks-teks yang pendek bagi mendapat maklumat terperinci untuk mencapai kefahaman yang mendalam.

Terdapat juga para pengkaji yang berpendapat bahawa pembacaan ada dua jenis: **Pembacaan analisa dan pembacaan penilaian.**

Tidak ada keraguan bahawa mana-mana institusi atau sekolah pengajian Bahasa Arab atau institusi Tahfiz Al-Quran menetapkan berbagai metod untuk mengaplikasi dan mengajar membaca dan menulis, dan daripadanya ialah (Mahmud Naqoh, Fathi Yunus 1999):

- Pelajar membaca Bahasa Arab dari kanan ke kiri dengan bentuk yang mudah dan senang.
- Mengaitkan simbol bertulis dengan bunyi yang mereka ungkapkan dalam Bahasa Arab.
- Membaca teks dengan kuat dengan sebutan yang sempurna.
- Menyimpulkan makna umum daripada teks yang ditulis dan menyedari perubahan makna dengan mengubah komposisi.
- Mengetahui pengertian kosa kata dari konteks.

Ahli Akademik telah berusaha memperincikan jalan yang efektif untuk pembelajaran kemahiran membaca dan menulis bagi bukan penutur Bahasa Arab, seperti berikut :-

- Mengetahui kalimah-kalimah baharu bagi makna yang sama.
- Mengetahui makna-makna baharu bagi satu kalimah.

- Menganalisis teks yang boleh dibaca menjadi beberapa bahagian dan mengetahui hubungan di antara satu sama lain.
- Mengikuti kepada idea yang terdapat dalam teks dan menghafaz akannya dalam fikirannya semasa membaca.
- Membazakan antara idea utama dan idea sekunder dalam teks pembacaan.
- Peka dengan pergerakan reaksioner dari hujung baris hingga awal baris berikutnya.
- Strategi berfikir dengan suara yang kuat semasa membaca.
- Strategi pengajian yang tersusun rapi di antara pengajian tradisional dan pengajian e-pembelajaran elektronik maka ia membantu kepada perkembangan kemahiran empat pengajian (pembacaan, penulisan, pendengaran dan percakapan).

Soal selidik

No. Siri	Masalah	Ketersediaan dengan bentuk yang besar	Ketersediaan dengan bentuk pertengahan	Ketersediaan dengan bentuk yang lemah
9	Terdapat kesukaran dalam pembacaan Kitab Aqidah silibus bagi bukan penutur Bahasa Arab	27.5%	43.8%	28.7%
		Bilangan pelajar 55 orang	Bilangan pelajar 88 orang	Bilangan pelajar 57 orang

Maka kita perhatikan bahawa nisbah pembacaan dan penulisan bagi pelajar universiti menurut sampel di atas adalah sederhana dan bilangan mereka hampir 200 orang pelajar, demikian itu, terdapat beberapa masalah dalam pembacaan dan menulis bagi sebahagian pelajar dan tidaklah banyak, yang tersebut kembali kepada sebab-sebab tersebut:

-Terdapat banyak institusi-institusi Tahfiz Al-Quran dan pengajian Bahasa Arab melalui metod institusi pengajian dan banyak daripadanya dipelajari dalam Bahasa Malaysia.

-Subjek-subjek syariah yang dipelajari di universiti dalam Bahasa Arab Baku daripada para pensyarah dari Negara- negara Arab (Mesir, Iraq, Sudan, Yaman) yang pengkhusan dalam Ulum Syariah dan Bahasa Arab.

-Kurang mementingkan kitab yang dicetak daripada para pensyarah atau kedai cetakan, demikian, terdapat banyak kesalahan percetakan yang menghalang pelajar dari membaca dan menulis dengan bentuk yang sempurna.

Di sini, ahli akademik menetapkan strategi saintifik dalam mengajari kemahiran membaca dan mengembangkannya kepada pelajar, dan ianya diketahui dengan kod "SQ3R" dan ia terdiri daripada lima peringkat:

Pertama: (Survey) maksudnya bahawa pelajar menemui pandangan umum, dan melaksanakan pembacaan tinjauan untuk memperolehi pemikiran yang umum daripada teks.

Kedua: (Questions) yang mana pelajar menanyakan soalan yang berkaitan dengan teks dan dengan apa yang dia hendak ketahui akannya.

Ketiga: (Read) maksudnya bahawa pelajar membaca teks untuk mencari jawapan-jawapan bagi soalan yang diajukan.

Keempat: (Recite) maksud dengannya bahawa pelajar berbincang idea yang terhasil yang telah dia simpulkan daripada teks sama ada dengan bentuk percakapan dan penulisan.

Kelima: (Review) menaksirkan apa yang dicapai dan apa yang diperolehi daripadanya, dan jadikan ia sebagai rujukan yang boleh dipercayai untuk jangka masa panjang.

Contoh praktikal ke atas pengajaran teks analisis: (Mula mengerjakannya di rumah dan membawanya ke sekolah) langkah-langkah perawatan membaca teks (Khalid Hussien Abu 'Amshah 2017).

Sebelum membaca (di rumah):

Pelajar mula meneliti kepada teks dan pembacaan teks ialah merupakan percubaan untuk menjawab soalan atau kedua-dua tugas itu. Ia memperbaiki pelajar supaya dapat membaca teks dengan sempurna. Pelajar mempunyai kebebasan sepenuhnya untuk membaca seberapa banyak yang telah dikehendaki dengan menggunakan kamus atau tanpanya. Seolah-olah terdapat soalan: Bawakan pengakhiran yang lain bagi kisah ini. Meskipun tugas yang dibawakan oleh nas hanya satu soalan, sesungguhnya pelajar dapat memperbetulkan bacaan dengan sempurna untuk membawakan alternative yang sesuai.

Semasa Pembacaan

Sebagai persediaan, dengan mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan tajuk dan tidak:

- Berada di sekelilingnya secara langsung atau melalui sekumpulan gambar yang mengarah kepadanya.
- Berpinda dari umum kepada khusus: Memahami idea secara terperinci dan sebahagian sebelum dan menganalisa.
- Menginvestasikan gambar-gambar, video-video, karakter dan cerita-cerita dalam teks.

Menggunakan soalan yang kritikal, membentangkan hepotisis dan membincangkannya (mengikut masa, tempat dan kepribadian) berdiri dengan sinonim dan struktur serta mengembangkannya.

Selepas pembacaan

Menginvestasi teks: Aktiviti kreatif (penghasilan semula teks perbualan dan penulisan) dalam situasi yang serupa seperti temu ramah atau seminar atau kongres atau kedudukan perwakilan dan lain-lain.

Bahagian Kedua : Kesukaran Untuk Faham Dan Mengetahui

Kefahaman pada bahasa: Mengambarkan makna dengan baik dan kualiti penyediaan minda untuk mendapat hasil atau ia menggambarkan makna daripada lafaz atau pengetahuan terperinci bagi sesuatu atau konsep atau peristiwa (Lajnah Ilmu Annafsi Wa Attarbiyyah Bi Mujamma' Al-Luqah Al-Arabiah 1983).

Kefahaman pada istilah: “Ia merupakan proses pemikiran konstruktif interaktif pembaca mempraktikkannya melalui kandungan pembacaan untuk mengekstrak makna umum topik” (Al-Fahmu Al-Qiraie 2017).

Tidak dinafikan bahawa kefahaman bagi apa yang dibaca sama ada buku atau penulisan atau penyelidikan dari asas-asas utama dalam pembentukan budaya, kemasyarakatan dan setiap medan kehidupan manusia. Kepentingan memahami pembacaan disenaraikan dalam perkara berikut (Al-Fahmu Al-Qiraie 2017):

- Struktur asas yang dengannya pelajar mula belajar dan mengasimilasikan bahan pembelajaran.
- Terdapat banyak kesukaran pencapaian dalam mata pelajaran yang berbeza, dikaitkan dengan kelemahan memahami pembacaan, yang mana membantu pelajar untuk mendalami teks yang dibaca dan menyambung kepada pertalian yang baru. Oleh itu, pelajar dapat mencapai keyakinan diri.
- Menyebut satu persatu hamzah wasal di antara praktikal ucapan dan kritikan, bukanlah dari pemahaman yang zahir dalam ilmu yang dapat membantu dalam menganalisisnya, mengendalinya dan meramal hasilnya.
- Hubungan rapat di antara pemahaman dalam pembacaan dan tahap pemikiran yang lebih tinggi.

Faktor kesukaran untuk faham dan mengetahui di kalangan pelajar universiti.

Terdapat beberapa sebab di sebalik kesukaran kefahaman di kalangan pelajar; mengikut soal selidik berikut:

No. siri	Masalah (Masalah-masalah yang berkaitan dengan kandungan pelajar)	Ketersediaan dengan bentuk yang besar	Ketersediaan dengan bentuk sederhana	Ketersediaan dengan bentuk yang lemah

	ran akidah)			
7	Kefahaman dan pengetahuan sebahagian konsep yang berkait dengan Akidah Islamiah memerlukan kepada kesungguhan yang besar daripada pelajar dan yang tersebut menyukarkan para pelajar bukan penutur Bahasa Arab	56.9%	36.3%	6.8%
		Bilangan pelajar 114 orang	Bilangan pelajar 72 orang	Bilangan pelajar 14 orang
8	Sebahagian konsep Akidah Islamiah berkaitan perkara ghaib yang memerlukan kepada pengetahuan yang khusus dan kemampuan yang tinggi daripada kefahaman dan pengetahuan membolehkan untuk memahaminya	59.8%	33.8%	6.4%
		Bilangan pelajar 120 orang	Bilangan pelajar 68 orang	Bilangan pelajar 13 orang

Melihat kepada soal selidik ini kita dapati bahawa terdapat masalah yang besar pada peringkat kefahaman pelajar. Perkara tersebut kembali kepada wujudnya beberapa masalah di kalangan pelajar, guru dan

institusi ataupun semua saling melengkapi dalam mengenal pasti punca kesukaran untuk memahami di kalangan pelajar, boleh dikelaskan kepada beberapa aspek:

1-Aspek pelajar:

- Kekurangan kejelasan matlamat yang baik di kalangan pelajar dan lemahnya kesedaran pelajar dengan kepentingan mempelajari akidah. Keberadaannya di universiti hanya untuk bersuka ria dan bermain bersama rakan-rakannya.
- Terdapat kelemahan pada peringkat pembacaan dan penulisan yang membuatkan sangat menyukarkan pelajar untuk memahami apa yang dibaca.
- Kesukaran memahami huruf: Termasuk kesukaran memahami kosa kata, konsep, kesukaran mengingat fakta, perincian, kesukaran menyusun teks, kesukaran memahami idea utama dan kesukaran meringkaskan isi.
- Gangguan pemikiran di kalangan sebahagian pelajar semasa kelas berlangsung, maka ia menyukarkan pelajar untuk memahami pelajaran dan perbicaraannya, lalu pelajar hanya bergantung kepada hafazan.
- Bilangan pelajar yang ramai di dalam dewan kulliyah, yang menghalang proses pengajaran.
- Tidak berkembang kemahiran intelektual pelajar dari pemikiran kreatif atau kritis atau selainnya.
- Kurang bimbingan agama di kalangan sebahagian pelajar.
- Terdapat banyak keraguan daripada kalangan pelajar dalam menanyakan soalan kepada guru.

2-Aspek guru. Berbilang sebab-sebab kepada:

- Lemahnya kemahiran seseorang guru dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar dengan mudah, lalu dia bercakap dengan bahasa yang tinggi melebihi peringkat pelajar. Seperti kemahiran pemikiran kreatif, logik dan induktif.
- Penggunaan kaedah didikan tradisional, seperti talaqqi dan membaca sahaja serta kurang kemahiran pemahaman pembacaan.

- kesukaran perbendaharaan kata dalam buku yang dipelajari oleh pelajar yang yang dipilih oleh guru atau karangannya.
- Kurang peluang dan pendirian yang mencukupi kepada pelajar untuk memberi pendapat dan buah pemikiran kritis dan ini sangat kurang di kalangan bukan penutur Bahasa Arab.
- Gagal mengambil kira pembezaan individu pelajar semasa menerangkan pembelajaran.

3-Aspek institusi

- Kurang kursus latihan pembelajaran Bahasa Arab kadar kemahiran asas yang empat (pendengaran atau percakapan mahupun penulisan).
- Tidak mewujudkan suasana ilmu di luar metod akademik hingga para pelajar dapat memperolehi kemahiran bercakap dan mengaktifkan akal mereka untuk memperbanyakkan soalan serta jalan perilaku mereka bersama guru dan rakan-rakan, maka pelajar memperolehi keyakinan pada apa yang dia pelajari dan yang dia fahami.
- Kurangnya waktu yang ditetapkan untuk subjek akidah menjadikan guru bergegas untuk menghabiskan buku panduan pembelajarannya, maka kuranglah kefahaman pelajar akan subjek.

Sebab-sebab tersebut dan lainnya menyebabkan kepada kurangnya kefahaman di kalangan pelajar, dan juga menyebabkan kepada terjadinya pelajar penyakit yang bahaya yang tersebar pada zaman sekarang, iaitu kefahaman yang salah pada konsep-konsep akidah yang mana kesannya ialah sehingga mengkafirkan dan melakukan perkara-perkara yang terkeluar dari Islam serta kaedah-kaedah pemerintahan.

Oleh kerana itu, sekiranya pelajar masih tidak memahami konsep-konsep akidah ini, kerana terdapat pada konsep-konsep ini kepentingan pada pemikiran seperti membezakan diantara usul agama dan cabangnya dalam islam, iman, adakah perbuatan dapat mengeluarkan tuannya daripada iman, makna kufur dan jenis-jenisnya dan adakah pelaku maksiat seorang kafir dan berkekalan dalam neraka ataupun pelaku maksiat di azab dan diampunkan oleh allah? atau maksud sunnah dan bidaah atau yang dipaksa dan dipilih, atau qodo' dan qadar atau perwalian atau selainnya daripada pemahaman yang salah, yang mana kesannya boleh menyebabkan pelajar salah memahami maksud tersebut dengan format

yang betul dan kekeliruan dengan pemikiran-pemikiran dalaman yang lain.

Oleh itu, penting untuk melaksanakan program dalam pemahaman dan persepsi apa yang didengar daripada Akidah Islamiah secara khusus dan ilmu-ilmu syariat yang lain, yang bertindak sebagai pendidikan dan peradaban Islam melangkaui sejarah, dan program ini bersandar kepada dua sumber: Sumber Pendidikan, Sumber bahasa (Berperanan dalam seni dan kemahiran Bahasa Arab yang empat (pendengaran dengan kefahaman, percakapan, pembacaan dan penulisan bersama ungkapan), Sumber budaya, ialah sumber dan isi kandungan yang bersandar ketasnya program pengajian dan latihan kepada pelajar bagi kemahiran bahasa, maka terhasil daripada sumber ini kefahaman kebudayaan Islam dan penguasaan ke atas pelaksanaan bahasa. Bidang sumber ini ada empat (Ahmad Madkur dan lain-lain 2006):

- A- Memahami hakikat ketuhanan, membezakan di antaranya dengan penyembahan, menyempurnakan maksud agama, ibadah, tauhid, rasul-rasul, risalah terakhir dan lain-lain.
- B- Hakikat alam semesta apa yang ghaib dan yang dapat dilihat, tanggungjawab manusia dalam alam yang dapat dilihat, pengistilahan alam semesta yang dapat dilihat daripada air dan udara, haiwan, tumbuhan dan tanah. Kedudukan manusia dengan alam ghaib seperti ruh, malaikat, jin, syaitan, iblis dan tempat-tempat di akhirat bermula dengan kematian dan kebangkitan dan sampai kepada syurga dan neraka.
- C- Hakikat manusia dari sumbernya, pergerakan di dalam alam semesta, tabiat kemanusiaan, tugasnya dalam kehidupan, pemerintahannya di dunia dan tujuannya dalam kehidupan.
- D- Hakikat kehidupan, dunia dengan asalnya secara kepercayaan, syariat, usul ilmu dan pengetahuan, usul akhlak dan perilaku dan usul undang-undangnya yang berbeza: Politik, ekonomi, kemasyarakatan, kesenian, dan moral. Berdasarkan perkara di atas, maka salah satu tujuan yang paling penting adalah pendidikan

yang diperlukan oleh metod pengajian Bahasa Arab bagi bukan penutur dengannya untuk mereka menelusurinya, seperti berikut (Ahmad Madkur 1998):

- Mengetahui maksud agama, ibadah dan tauhid pada gambaran Islam.
- Mengetahui hubungan dan ikatan di antara beriman kepada Allah dan bersaudara kerana Allah, di antara kenabian dan pengutusan dan di antara para rasul dan utusan terakhir.
- Kemampuan membaca Al-Quran Al-Karim dan Sunnah Naba-wiyyah, memahaminya dan menghafal apa yang mudah daripada hadis-hadis Nabi SAW.
- Mengetahui hakikat alam yang dapat dilihat dan yang ghaib dan kewajipan manusia akan keduanya.
- Memahami sumber-sumber pengetahuan dan hubungan serta ikatan di antaranya berdasarkan gambaran Islam.
- Memahami sentraliti manusia di alam semesta dan tugasnya dalam kehidupan.
- Memahami hakikat kehidupan: Dunia, akhirat dan tabiat yang berhubung dan berkait di antara keduanya.
- Mengetahui kepentingan ilmu dan nilainya dalam pembinaan kehidupan.
- Mengetahui perbezaan di antara Al-Quran, Sunnah, warisan Islam dan warisan kemanusiaan.
- Merasakan pentingnya penggunaan Bahasa Arab dalam pemikiran, ungkapan dan komunikasi, sebagai bahasa Islam yang suci.
- Mengetahui maksud pendidikan dan kedudukannya pada gambaran Islam.
- Mengetahui kepentingan berfikir, memahami metodnya dan latihan dalam kaedahnya.
- Memahami gambaran Islam bagi undang-undang politik, ekonomi, kemasyarakatan dan khususnya undang-undang kekeluargaan serta latihan akan kaedah undang-undang ini dan mempraktikkannya.

2-Sumber bahasa: Kita bergantung dengannya pada memahami dan mengetahui apa yang didengar dan yang dibaca, integriti pertuturan dan penulisan, yang tersebut seperti berikut (Rushdi Ahmad Tai'mah):

- Kemampuan pelajar dalam memahami Bahasa Arab ketika mana mendengarnya.
- Kemampuan pelajar dalam menyebut perkataan dalam Bahasa Arab dengan betul dan bercakap bersama penutur asli dengan selamat dan jelas.
- Kemampuan pelajar dalam membaca penulisan moden dengan tepat dan faham.
- Menggunakan kamus ketika mana dia menjumpai kalimat yang susah untuk faham.
- Mengetahui ciri-ciri Bahasa Arab dan apa yang membezakannya dengan selainnya dari segi bunyi, kosa kata, komposisi dan konsep.
- Mengetahui hubungan yang khusus di antara Bahasa Arab dengan budaya Islam.

Ini merupakan tujuan yang umum bagi setiap kemahiran bahasa yang empat. Kita memfokuskan di sini dengan lebih terperinci akan tujuan pemahaman yang paling penting dan pengetahuan yang baik bagi apa yang di dengar.

- Menghayati nilai pendengaran dan memandang serius ucapan orang lain.
- Memahami pengertian lafaz dan komposisi.
- Membezakan di antara nada suara dengan mengelurkan makna dari nada suara.
- Meletakkan kalimat yang didengari pada makna yang berbeza di sebabkan perubah pergerakan.
- Memhami tujuan pembicara dan mengetahui pandangannya.
- Membezakan di antara hakikat-hakikat dengan pertimbangan peribadi bagi pembicara.

- Menyimpulkan idea dan sampai pada makna yang tersirat yang tidak diterima dalam cerita yang didengari.
- Menilai ucapan yang didengari dari segi ketepatan kaedah, tahap penyampaian dan persembahan logik.

Maka program ini menyempurnakan rawatan kemahiran bahasa melalui tajuk-tajuk yang bersambung dengan hakikat-hakikat pendidikan yang empat ialah: Hakikat ketuhanan, hakikat alam semesta, hakikat manusia, hakikat kehidupan dan sempurnya yang tersebut apabila merujuk kepada Al-Quran dan Sunnah yang kita memperolehi daripadanya usul akidah, hukum dan syariat, usul ilmu pengetahuan dan usul akhlak dan tingkah laku. Hidup berkisar kepada asset-aset ini dalam kekeluargaan, kaum, jalanan, pasar, sekolah dan universiti bersama air, udara, pokok dan haiwan –mengikut kepada hajat manusia pada setiap masa dan tempat.

Salah satu cara yang sesuai untuk melaksanakan program ini ialah apa yang memenuhi syarat berikut (Ta'lim Al-Luqah Al-Arabiah Li Qairi Annathiqin Biha Annazoriyyah Wa Attatbiqiyyah):

- Guru yang cerdas, ialah yang terdapat pada kemampuan bahasa dan pendidikan professional, yang mampu untuk merancang ketetapan pendidikan dan siapa yang mampu untuk memilih cara yang baik dan sesuai bagi keadaan manusia, tempat dan masa yang dia tinggal bersama pelajarannya.
- Sebelum memulakan program, maka perlu untuk melakukan kajian mengenai latar belakang bahasa bagi pelajar dan memafaatkan hasilnya dalam merancang program dan mengajarkannya, dan perlu untuk mengklasifikasikan pelajar mengikut kepada tahap penguasaan bahasa sehingga kita dapat mengetahui siapa yang permulaan, pertengahan dan mahir, kemudian membahagikan mereka kepada kumpulan yang berbeza dan menyesuaikan metod dengan cara yang dapat membantu guru.
- Pemilihan kosa kata dan penyusunan yang bersesuaian perlulah dibuat mengikut kuantiti dan kualiti dalam program pengajian bahasa melalui kebudayaan Islam.

- Penggunaan bahasa arab baku mestilah digunakan dalam pengajian arab bagi penutur bukan arab yang mana ianya menjadikan asas perkongsian dalam semua dialek tempat arab.
- Adanya suasana pendidikan bahasa membolehkan pelajar menguasai dualisma bahasa iaitu di antara belajar di dalam kelas dan di antara apa yang pelajar mendapatinya di luar kelas. Sepertimana Dr. Nuhad Musa menamakan ianya sebagai “Kehidupan orang arab” (Nuhad Musa) iaitu merupakan salah satu platform persiapan pelajar terhadap bahasa arab dan melatihnya dalam setiap apa yang membolehkan mereka untuk belajar bagi menghubungkan dengan kehidupan tersebut.

Berikut merupakan perancangan sampel yang diperkecilkan bagi daurah bahasa dalam kehidupan kita. Persekitaran ini telah menunjukkan sampel bahawasanya pelajar-pelajar dapat mempelajari bahasa arab dalam suasana bahasa yang sempurna dan membuka peluang bagi mereka untuk berkomunikasi dalam suasana sebenar. Program ‘Kehidupan orang arab’ membawa kepada bentuk yang menjadikan satu sampel lengkap dalam penggunaan bahasa pada fungsi-fungsinya. Pelajar memulakan dengan menyampuk (perbualan) maka mereka mempelajari cara sapaan, mempelajari cara berbual, atau mendengar perbualan ketika minum kopi pada waktu pagi, dan membaca surat khabar, atau mendengar berita akhbar, kemudian menukar sampel di bank, dan seterusnya di pejabat pos, dan ketiganya di lapangan terbang. Setelah menghadiri kelas, kemudian mengeluarkan dari kelas untuk mendengar seminar atau mengikuti cerita bersiri bersarikata bahasa arab baku-seperti cerita bersiri saidina Umar bin Al-Khattab atau cerita bersiri Salahuddin Al-Ayubi - atau menonton wayang yang berkaitan.

Oleh kerana itu, perancangan bentuk belajar bahasa arab ini dalam kaedah kedudukan nahu boleh menghancurkan sekatan di antara setiap apa yang dipelajari dalam kelas dan setiap apa yang dilihat, didengar dan dilatihnya di luar.

- Penggunaan cara sistem oleh Imam Abdul Qohir Al-Jurjani boleh digunapakai dan nama bagi cara Tahwiliyah Ataulidiyah telah di-

perkenalkan oleh Noam Chomsky dan telah menerangkan langkah-langkah dalam nahu seperti yang berikut:

- A) - Dapat membezakan bahasa-bahasa yang hidup kerana ianya merupakan sesuatu yang disabitkan dengan sistem yang tetap. Justeru itu, mempelajari suatu bahasa itu adalah proses pengetahuan akal serta cakna dengan setiap sistemnya. Oleh kerana itu, perlulah untuk memulakan pelajaran dengan menerangkan kaedah-kaedah yang kukuh serta membuat kesimpulan melalui teks yang bersesuaian, kemudian berikan contoh-contoh tersebut.

Orang yang baru bermula dalam bab ini boleh memulakan pengajian dengan perkara asas iaitu dalam penyusunan bahasa arab dan ciri-cirinya melalui ayat-ayat yang mudah. Hal ini, pelajar dapat mengenali sebahagian ayat yang dimulai dengan perbuatan (fi'liyah) serta dengan nama (ismiyah). Pelajar juga akan dapat membezakan di antara muzakkar, muannas, mufrad, musanna dan jamak.

Pada peringkat pertengahan pembelajaran, pelajar perlulah mempelajari keadaan-keadaan ayat bagi nama seperti isim kana, isim inna, nawasib almudhari', jawazim almudhari', asma' Alkhamsah, tamyiz al-adad dan lain-lain.

- B) - Pada pengajian awal, guru dibenarkan untuk mengguna bahasa perantaraan seperti bahasa Malaysia atau bahasa inggeris dalam menerangkan kaedah-kaedah yang tepat dan menjelaskan dimensi-dimensi sistem berkenaan bahasa.
- C) - Langkah yang ketiga ialah membuat latihan dalam kaedah melalui contoh-contoh dan teks-teks yang sesuai sehingga dapat melatih pelajar akan kesedaran dalam penggunaan kaedah-kaedah sikap yang baharu. Setiap latihan itu perlulah merangkumi empat kemahiran iaitu (kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis).
- D) - Penggunaan kaedah berbentuk sistem ataupun kaedah nahu tahwili yang mana ianya menyerupai dengan kaedah yang dinamakan sebagai "Al-Qiasiah". "Al-Qiasiah" ini dapat memahami suatu kaedah dan penggunaan qias telah digunakan dalam kaedah ini. Latihan dalam kaedah ini dibuat melalui teks-teks yang mana ianya sama dengan kaedah yang telah dibuat kes-

impulan. Kaedah ini melengkapikan semua latihan akan kesedaran bahasa.

- E) - Para guru mestilah mengambil berat tentang kemampuan setiap pelajar, yang mana setiap dari mereka mempunyai kemampuan yang berbeza. Kemampuan mereka boleh dinilai mengikut klasifikasi individu. Hal ini, kerana terdapat sebahagian dari mereka yang boleh menghasilkan idea melalui fikiran mereka dan ada juga sebahagian dari mereka yang tidak mampu melakukan hal sedemikian. Oleh itu, sebaiknya para guru tidak perlu untuk tergesa-gesa dalam membetulkan kesalahan atau kesilapan pelajar secara langsung akan tetapi membetulkan kesalahan atau kesilapan mereka yang popular dari semasa ke semasa serta mengambil berat dalam latihan secara individu khususnya bagi mereka yang menghadapi situasi tersebut (Rushdi Thoi'mah)
- F) – Buku-buku atau karya-karya yang ditulis sesuai dengan teknologi ini, dimulai dengan memperkenalkan teks-teks budaya yang sesuai, kemudian boleh menganalisisnya bagi menghasilkan kaedah-kaedah yang baru. Seterusnya, mempraktikannya melalui aktiviti pendengaran, percakapan, pembacaan dan penulisan, di mana ianya boleh membantu para pelajar dalam menggunakan bahasa arab pada pemikiran, pengetahuan, pemahaman dan berkomunikasi dengan yang lain.

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah bahawasanya langkah-langkah perbaikan dalam kefahaman dan pengetahuan bukan penutur bagi bukan arab ini membawa kepada dua sumber iaitu: sumber budaya dan sumber bahasa. Setiap dari kedua-duanya itu, terdapat tujuan dan cara yang banyak dalam membantu para pelajar untuk berfikir aktif dan berkomunikasi dengan baik bersama yang lain.

Kesimpulan

- Terdapat 6 perkara penting untuk memahami Aqidah, iaitu: “Menenal Allah- Mengetahui rahsia di sebalik kejadian alam serta kebaikan dan keburukannya- Menenali kitab-kitab samawi- Mengetahui para nabi dan rasul- Mengetahui akan hari akhirat- Mengetahui ketetapan qadar”.
- Daripada kesusahan yang pelajar hadapi dari segi pembacaan dan penulisan, para penyelidik dapat beberapa penyelesaian daripada para ulama dahulu dan sekarang. Antara penyelesaian yang diperolehi ialah:
 1. Mengetahui perkataan-perkataan baharu bagi sesuatu makna dan mengetahui makna-makna yang baharu bagi sesuatu perkataan.
 2. Membahagikan teks yang dibaca kepada beberapa bahagian dan mengetahui kaitan antara bahagian-bahagian tersebut.
- Begitu juga daripada kesusahan yang pelajar hadapi dari segi kefahaman, para penyelidik mendapati bahawa masalah ini perlu kepada penelitian yang lebih di peringkat institusi dan sekolah. Antara penyelesaian yang didapati oleh penyelidik ialah mengetahui budaya dan perkembangan sejarah Islam. Perkara ini memerlukan kepada dua sumber, iaitu sumber budaya, sumber bahasa (merangkumi kesenian dan kemahiran Bahasa Arab pendengaran dan pemahaman, pertuturan, pembacaan dan penulisan).

Rujukan

- 1) Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad Asy-Syafie, dikenali sebagai Al-Bajuri, **Risalah Al-Bajuri fi Al-Tauhid**, cetakan: Mustafa al-Babiy al-Halbi -Mesir, 1342 H.
- 2) Doktor Ahmad Ibrahim Qandil, **Al-Manahij Al-Dirasiyah Al-Waqi' wa Al-Mustaqbal**, cetakan Mesir, cetakan pertama: 2008 M.
- 3) Abu Al-Fauz Ahmad bin Ramadan bin Mansur ibni Marzuq, dikenali sebagai Al-Marzuqi, **Tahsil Nail Al-Maram li Bayan Manzumah Aqidah Al-'Awwam**, Dar al-Hawiy -Beirut- Lubnan, cetakan kedua: 2013 M/ 1434 H.
- 4) Ahmad Fathi Abdul Rahman Hijazi, **Hakaza 'Ilm Al-Azhar Al-Ummah: Istiqra Tarikhi li Al-Ta'lim Al-Azhari Ibr Al-'Usur**, bahagian penyelidikan, al-Rawaq al-Azhari, Al-Azhar Al-Syarif, Mesir, 2017 M/ 1439 H.
- 5) Ahmad Abdul Jabbar Sanubir, **Al-Dalil Al-Tadribi fi Tadris Maharat Al-Lughah Al-'Arabiah wa 'Anasiruha Al-Nazariyah wa Al-Tatbiq**, Markaz Al-Malik Abdullah bin Abdul Aziz Al-Duli, Riyadh, kerajaan Arab Saudi, cetakan pertama: 2017 M/ 1439 H.
- 6) Doktor Bahri Sabir, **Su'ubat Al-Ta'allum bayn Al-Mafhum wa Al-Mumarasah**, Majalah Jayl Al-'Ulum Al-Insaniah wa Al-Ijtima'iyah, 2016 M.
- 7) Bernice, **Al-Qiraah Al-Hirrah Dakhil Al-Madrasah wa Khorijih**, penterjemah: Solih bin Abdul Aziz Al-Nassar, Majalah Al-Qiraah wa Al-Ma'rifah, Kuliyyah Al-Tarbiyah, Universiti Al-Malik Saud, 2018 M.

- 8) Hasan Al-Banna: **Risalah Al-‘Aqaid**, sebahagian daripada kitab Silsilah min Turath Al-Imam Al-Banna, kitab mengenai Al-Aqidah dan Al-Hadith, dibawah seliaan Jum’ah Amin Abdul Aziz, Dar Al-Da’wah, 2004 M.
- 9) Abu Abdul Rahman Al-Khalil bin Ahmad bin Amru bin Tamim Al-Farahidi Al-Basri, **Al-‘Ain**, Dar wa Maktabah Al-Hilal.
- 10) Zauqan ‘Ubaidat, Suhailah Abu Al-Sumaid, **Usus Al-Manhaj Al-Dirasi**, sebahagian daripada kitab Mausu’ah Maqalat Maharat Al-Najah, penulisan mudah oleh penulis, penerbit: Markaz Maharat Al-Najah Al-Tadribi.